


## **BAHAGIAN A**

(40 markah)

*Jawab semua soalan*

- 1 Peta berikut menunjukkan kedudukan bandar terancang Tamadun Indus.



- (a) Jelaskan ciri-ciri bandar terancang Tamadun Indus.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

- (b) Terangkan faktor-faktor masyarakat lembah Indus berjaya membina bandar terancang?

.....  
.....  
.....  
.....

[ 3 markah ]

- (c) Bagaimanakah amalan sikap keterbukaan Tamadun Indus dapat dicontohi dalam memajukan negara kita?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

2. Pemerintahan kerajaan Bani Umayyah tahap pertama bermula 661 M hingga tahun 750 M. Manakala pemerintahan tahap kedua berlangsung dari tahun 756 M hingga 1031 M.

(a) Namakan pengasas kerajaan Bani Umayyah :

(i) Tahap Pertama : .....

(ii) Tahap Kedua :.....

[2 markah]

- (b) Kerajaan Bani Umayyah memberi sumbangan yang besar dalam bidang pentadbiran dan pemerintahan.  
Jelaskan sumbangan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- (c) Pada pandangan anda, mengapakah sesebuah kerajaan perlu melakukan pembaharuan dalam sistem pentadbiran?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

3. Maklumat berikut berkaitan novel yang diterbitkan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

*“ Buku ini bukanlah suatu cerita asyik-mahsyuk yang biasa tuan tuan lihat...atau pun yang telah tuan baca, kerana isinya penuh dengan sindiran-sindiran dan kias ibarat yang dalam. Seorang yang telah membaca buku ini sekali lalu tentulah sedar akan apa dia kewajipan-kewajipannya terhadap kepada tanahairnya, bangsa dan adat resamnya dan daripada hari itu mudah-mudahan tertariklah hatinya kepada mempertahankan ugama, adat istiadat dan tanahairnya supaya jangan terbinasa... ”*

Sumber: Ishak Haji Muhammad, Putera Gunung Tahan, Petaling Jaya, 1973

- (a) Apakah mesej yang terdapat dalam novel tersebut?

.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (b) Jelaskan unsur semangat kebangsaan yang menjadi tema dalam novel-novel sekitar tahun 1930-an?

.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (c) Logo berikut menunjukkan perkembangan teknologi media yang berlaku masa kini.



Bagaimanakah perubahan tersebut memberi manfaat kepada generasi muda dalam meningkatkan semangat cinta akan negara?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

- 4 Gambar berikut merupakan lambang negara yang berperanan meningkatkan semangat patriotisme dan perpaduan masyarakat berbilang kaum di Malaysia.



- (a) Berdasarkan gambar, jelaskan maksud ;  
 (i) Lima bilah keris

(ii) Dua ekor harimau

[2 markah]

- (b) Bagaimanakah slogan “**Bersekutu Bertambah Mutu**” seperti yang terdapat pada Jata Negara dapat dijayakan.

---

---

---

---

---

[ 4 markah ]

- (c) Lambang-lambang negara dapat memupuk semangat patriotik dalam kalangan generasi muda hari ini?

Berikan ulasan anda.

.....  
.....  
.....  
.....

[ 4 markah ]

**BAHAGIAN B***[ 60 markah ]**Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

- 5 Peta 1 menunjukkan lokasi Tasik Tonle Sap yang terletak berhampiran dengan kerajaan Angkor. Hal ini membolehkan kerajaan Angkor menjadi sebuah kerajaan yang maju dalam bidang pertanian.




Peta 1

- (a) Jelaskan faktor-faktor perkembangan kerajaan Angkor. [6 markah]
- (b) Tasik Tonle Sap memainkan peranan yang penting terhadap kemajuan kerajaan Angkor.  
Buktikan. [6 markah]
- (c) Setujukah anda bahawa bidang pertanian mampu memberikan pulangan yang lumayan kepada negara?  
Berikan penjelasan anda. [8 markah]
- 6 Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah mempengaruhi sistem pendidikan, bahasa dan kesusasteraan.
- (a) Jelaskan perkembangan sistem pendidikan formal di Tanah Melayu. [6 markah]
- (b) Bidang bahasa dan kesusasteraan turut mengalami perubahan selepas kedatangan Islam ke Tanah Melayu.  
Berikan ulasan anda. [6 markah]
- (c) Perkembangan dan perubahan sistem pendidikan penting bagi kemajuan bangsa dan negara dalam menghadapi dunia masa kini yang semakin mencabar.

Berdasarkan pernyataan, bahaskan dengan memberikan hujah-hujah yang relevan.

[8 markah]

- 7 Pengarah Botanical Garden Singapura, Henry N. Ridley telah memperkenalkan tanaman getah di Tanah Melayu.
- (a) Bagaimakah beliau menggalakkan penanaman getah di negara kita ? [ 4 markah ]
- (b) Kerajaan British menyekat pelibatan orang Melayu dalam penanaman getah di Tanah Melayu pada awal abad ke 20.  
Mengapa British mengambil langkah tersebut. [ 8 markah ]
- (c) Bincangkan kepentingan perusahaan getah kepada negara kita sehingga hari ini. [ 8 markah ]
- 8 Peta berikut menunjukkan kawasan yang menjadi sasaran penjajahan Barat di Asia Tenggara.



*Kawasan penjajahan Barat di Asia Tenggara*

- (a) Mengapa kawasan tersebut menjadi pilihan kuasa imperialis meluaskan pengaruhnya? [4 markah]
- (b) Berdasarkan penelitian anda, apakah kesan imperialism terhadap negara-negara yang dijajah? [8 markah]
- (c) Petikan berita berikut berkaitan dengan penjajahan bentuk baharu.

**11 Ogos 2016 - KUALA LUMPUR:** Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak menyuarakan kebimbangan tentang kemunculan penjajahan baharu dalam era Internet iaitu berkaitan kawalan terhadap pemikiran masyarakat.

Sumber: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/awasi-penjajahan-baharu-era-internet-113620>

Berikan pandangan anda tentang penjajahan baharu tersebut.

Berikan pandangan anda tentang penjajahan baharu tersebut. [8 markah]

- 9 Pakatan murni merupakan kerjasama antara kaum melalui tolak ansur politik dalam usaha untuk mencapai kemerdekaan negara.

- (a) Terangkan usaha-usaha yang dijalankan ke arah mewujudkan pakatan murni [6 markah]

- (b) Pakatan murni membawa kepada termaktubnya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957 .

Bincangkan kandungan perjanjian tersebut.

[6 markah]

- (c) Pada pendapat anda, bagaimakah semangat kerjasama dan perpaduan dalam kalangan warga Malaysia dapat dikekalkan?

[8 markah]

10. Senarai berikut menunjukkan prinsip Rukun Negara.

Kepercayaan Kepada Tuhan  
Kesetiaan Kepada Raja dan Negara  
Keluhuran Perlembagaan  
Kedaulatan Undang-undang  
Kesopanan dan Kesusahaian

- a) Apakah matlamat pembentukan Rukun Negara ?

[4 markah]

- b) Jelaskan prinsip-prinsip yang terkandung dalam Rukun Negara berikut;

(i) Kesetiaan kepada Raja dan Negara

(ii) Kesopanan dan Kesusahaian

[8 markah]

- (c) Peristiwa 13 Mei 1969 telah membawa kepada pembentukan Rukun Negara.

Apakah iktibar daripada peristiwa tersebut ?

[8 markah]

- 11 Pernyataan berikut berkaitan dengan pelaksanaan dasar luar Malaysia.

“ Kita percaya usaha mentransformasi ekonomi dan dasar luar membuka jalan kepada keamanan, keselamatan dan pertumbuhan untuk semua.”

*Dipetik dan diubahsuai dari Harian Metro, Jumaat, 19 ogos 2016*

- (a) Jelaskan asas-asas penggubalan dasar luar Malaysia.

[6 markah]

- (b) Terangkan mengenai dasar luar Malaysia pada era Tunku Abdul Rahman (1957-1970)

[6 markah]

- (c) Apakah manfaat yang diperoleh daripada pelaksanaan dasar luar Malaysia?  
Berikan penjelasan anda.

[8 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**